

CNS1497

R GB 15-02 00362 AB872

AAB

Mahathir - Tahun Baru (ulangan dgn pembedaan)

I

KUALA LUMPUR, 15 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, perlantikan seorang Setiausaha Parlimen di Kementerian Dalam Negeri ialah untuk membantu pentadbiran di kementerian itu.

+Tidak ada alasan yang khusus (bagi perlantikan itu),+ katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas mengenai perlantikan Encik Ong Ka Ting, anggota Parlimen MCA bagi kawasan Pontian, ke jawatan itu.

Perlantikan Encik Ong itu, yang kini menjawat jawatan Setiausaha Parlimen di Kementerian Kesihatan dan dua Setiausaha Parlimen baru, diumumkan semalam. Dua Setiausaha Parlimen yang baru itu ialah Dr Sak Cheng Lum (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) dan Datuk K. Kumaran (Kementerian Kesihatan).

Ini merupakan kali pertama dalam beberapa tahun Kementerian Dalam Negeri mempunyai seorang Setiausaha Parlimen.

+Walaupun kita tidak membuat perlantikan itu sejak beberapa tahun, ini tidak bermakna kita tidak boleh melantiknya sekarang,+ kata Perdana Menteri di Wisma MCA, di sini semasa menghadiri Rumah Terbuka anjuran MCA sempena Tahun Baru Cina. -- lagi

Mahathir - Tahun Baru 2 Kuala Lumpur

+Saya rasa adalah juga penting bagi kita melantik seorang dari MCA ke jawatan itu. Ini adalah sebahagian daripada konsep Barisan Nasional,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Menteri Dalam Negeri.

Kementerian itu pada masa ini mempunyai seorang Timbalan Menteri (Datuk Megat Junid Megat Ayob).

Mengenai sama ada UMNO akan juga mengembangkan sayapnya ke Sarawak setelah ia ditubuhkan di Sabah, Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO berkata, parti itu tidak mempunyai rancangan sedemikian.

+Kita pergi ke Sabah sahaja,+ katanya.

Rumah Terbuka MCA itu dianjurkan oleh pemimpin-pemimpin MCA, yang diketuai oleh Presiden parti Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Rakyat Malaysia termasuk pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain mula mengunjungi ibu pejabat MCA itu sejak pukul 9 pagi untuk mengucapkan +Gong Xi Fa Chai+ kepada para pemimpin dan anggota MCA.

Datuk Seri Dr Mahathir, isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah dan dua orang anak mereka -- Mazhar and Maizuri -- tiba di Wisma MCA pada pukul 10.40 pagi dan diberi sambutan tarian singa. -- Bernama

♥15/02/16-06MST